

KOMUNIKASI BERAKHLAK PRA SYARAT HUBUNGAN SEMPURNA: *Aplikasi di Rantau Melayu*

S.Salahudin Suyurno

Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS)
Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Melaka
Email: ssalahud@uitm.edu.my

Abstrak

Hebatnya al-Quran sebagai panduan hidup manusia sejagat. Hampir 1/5 daripada ayat-ayatnya memperibalkan secara langsung berkenaan akhlak manusia. Akhlak terpuji membawa rahmat tidak terperi kepada umta manusia sejagat. Hal ini menjelaskan betapa akhlak yang sempurna dititikberatkan oleh Islam. Manusia dan komunikasi tidak boleh dipisahkan, bahkan dalam diam mereka turut berkomunikasi. Begitu juga dengan akhlak, dalam setiap aktiviti manusia ia mesti menjadi tunjang utama. Pekerjaan dipandang mulia jika dilaksana dengan berakhlak, begitujuga dengan komunikasi sesama manusia. Akhlak dapat diertikan dimaksudkan sebagai keperibadian, sabstiah dan sifat-sifat yang merujuk kepada perbuatan mulia. Kertas kerja konseptual ini membincangkan maksud akhlak, komunikasi sesama manusia serta kedudukan akhlak dalam komunikasi khususnya dalam masyarakat Melayu. Dapatan kajian merumuskan bahawa akhlak komunikasi menjadi para syarat kepada wujudnya hubungan yang sejahtera sesama manusia. Namun dalam zaman mutakhir ini didapati terlalu ramai manusia meminggirkan akhlak ketika berkomunikasi lantas wujudlah hubungan yang sumbang serta canggung dalam komunikasi sesama mereka.

Kata Kunci: *al-Quran, akhlak manusia, Islam*

Abstract

The great thing about the Koran as a guide to human life in the universe. Nearly 1/5 of the verses deal directly with human morals. Praiseworthy morals bring unbelievable grace to the universal human race. This explains how perfect morals are emphasized by Islam. Humans and communication should not be separated, even in silence they also communicate. Likewise with morals, in every human activity it must be the main support. Work is considered noble if it is carried out with character, as well as with human communication. Morals can be interpreted as being meant as personality, validity and characteristics that refer to noble actions. This conceptual working paper discusses the meaning of morals, human communication and the position of morals in communication, especially in Malay society. The study obtained formulates that communication morals are the conditions for the existence of a prosperous relationship among humans. However, in this recent era, it is found that people are too busy to marginalize their morals when communicating, which leads to an outrageous and awkward relationship in their fellow communication.

Keywords: *al-Quran, human ethic, islam*

PENDAHULUAN

Akhlak terpuji adalah roh bagi Islam, malah agama tanpa akhlak diumpamakan seperti jasad yang tidak bernyawa (Haron Din, 2003). Za'aba (2005) pula menegaskan Akhlak merupakan satu topik yang penting dalam mana-mana bahagian hidup seorang muslim, sama ada yang merujuk hubungan antara dengan Pencipta mahupun antara manusia sesama manusia. Justeru akhlak mahmudah menghasilkan sikap mahabbah,

bersatu padu dan muafakat, begitu pula sebaliknya, seseorang yang berakhlak buruk menimbulkan sikap bermusuhan-musuhan serta mencipta jurang sesama mereka. Said Hawwa (1994) dan Hashim al-Mawsuwi (1997) menegaskan bahawa ahlak juga merupakan elemen asas pembinaan peribadi muslim dan masyarakat Islam. Justeru, pencerminan diri seseorang sering digambarkan melalui akhlak yang ditunjukkan (Hasan Mohd Ali, 1996).

PEMBAHASAN

Definisi Akhlak

Terlalu ramai cendekiawan mendefinisikan perkataan akhlak ini. Dinukilkan beberapa definisi sebagai asas memahami erti sebenar akhlak. Perkataan akhlak berasal dari kata *kbhalaqa* (خلق) yang bererti menciptakan. Seakar dengan kata *خالق* (Pencipta), *مخلوق* (yang diciptakan) dan *خلق* (penciptaan). Justeru, kesamaan akar kata ini mengisyaratkan bahawa dalam akhlak tercakup pengertian adanya kesepaduan antara kehendak *kbhaliq* (Tuhan) dengan perilaku *makhluk* (manusia) (H. Yunahar Ilyas, 2001). Justeru, menurut beliau lagi jika disusun dalam suatu bentuk kalimat yang aktif akan menjadi: *(الأخلاق الخالق يخلق المخلوق بكمكارم)* ertinya Tuhan (Pencipta) menciptakan ciptaanNya (makhluk) dengan segala dasar kemuliaan akhlak.

Ibn Manzur (1968), mendefinisikan perkataan akhlak (*أخلاق*) merupakan bentuk jamak daripada kata *al-Kbuluq* (*الخلق*) atau *al-kbulq* (*الخلق*) bererti agama, tabiat. Ia turut diertikan sebagai budi pekerti (Osman Hj Khalid, 2006), kebiasaan atau adat, tingkah laku, kelakuan, perikemanusiaan dan kehendak yang dibiasakan (Zakaria Stapa, 2001).

Seterusnya, Al-Ghazzali (t.t) mendefinisikan akhlak sebagai suatu keadaan atau sifat yang melekat pada jiwa manusia, daripadanya lahir perbuatan-perbuatan dengan senang dan mudah, tanpa melalui proses pemikiran, pertimbangan atau penelitian. Manakala menurut Ibn Miskawayh (t.t) pula, akhlak diertikan sebagai sifat yang tertanam dalam jiwa yang mendorong seseorang itu untuk melakukan perbuatan tanpa memerlukan pemikiran dan pertimbangan. Keadaan ini ada dua jenis, yang pertama secara semulajadi atau alamiah dan bermula daripada watak seseorang. Misalnya, pada orang yang mudah marah walaupun disebabkan oleh sebab yang kecil. Manakala yang kedua pula, tercipta melalui kebiasaan dan latihan. Jika keadaan tersebut melahirkan perbuatan yang baik dan terpuji menurut pandangan syarak (hukum Islam) dan akal, ia disebut sebagai akhlak yang baik, sebaliknya jika perbuatan-perbuatan yang timbul itu tidak baik, ia dinamakan akhlak yang buruk (Hirsi Muhammad Haylulah, 2003).

Dalam komunikasi misalnya, akhlak yang baik dan sempurna meramaikan sahabat dan kenalan serta menghindarkan permusuhan (Al-Mawardi, 1988). Inilah tujuan ilmu akhlak dalam Islam, ia membawa manusia kepada kesempurnaan. Ringkasnya, akhlak merujuk kepada situasi (*disposisi/bal/state*) yang terjana dalam diri (*al-Nafs/soul*) seseorang manusia. Situasi tersebut merupakan dimensi rohaniah yang sangat penting kerana ia menjadi punca kepada semua perbuatan yang dilakukan oleh manusia. Akhlak merupakan bahagian dalaman (kejiwaan) seseorang sementara perbuatan pula merupakan bahagian luaran. Oleh itu, akhlak menjadi penyebab kepada berlakunya sesuatu perbuatan, manakala sesuatu perbuatan itu pula memanifestasikan keadaan atau adanya situasi kejiwaan tersebut (Mohd. Nasir Omar, 2005).

Dalam hal ini, sebab itulah hanya agama yang mampu menyediakan motivasi yang sangat efektif kepada seseorang individu untuk mematuhi undang-undang moral seperti yang diperintahkan bagi memenuhi keperluan peribadi mereka (Roth, John K., 1995).

Kesimpulannya, terdapat lima ciri dalam perbuatan akhlak iaitu, 1) perbuatan akhlak adalah perbuatan yang telah tertanam kuat dalam jiwa seseorang, sehingga telah menjadi keperibadiannya, 2) ia dilakukan dengan mudah dan tanpa pemikiran, 3) ia berlaku tanpa ada paksaan atau tekanan dari luar, 4) perbuatan yang dilakukan dengan sesungguhnya dan 5) perbuatan akhlak (khususnya akhlak yang baik) dilakukan ikhlas kerana Allah S.W.T.

Komunikasi

Begitu juga dengan perkataan komunikasi, pelbagai definisi dapat diberikan antaranya termasuklah; misalnya, Onong Uchjana Effendy (2008) secara etimologi, istilah komunikasi atau dalam bahasa Inggeris *communication* berasal dari perkataan Latin *communicatio*. Ia berasal daripada kata *communis* yang bererti sama. Sama di sini maksudnya adalah sama makna.

Francis J. Bergin (1982) dan Samsuddin A. Rahim (1993) menukilkan bahawa perkataan komunikasi berasal daripada perkataan Latin "*communicare*" yang bermaksud penyertaan,

perkongsian dan pemberitahuan. Perkataan “*communis*” pula bererti milik bersama atau berlaku di mana-mana. Oleh itu, perkataan “*komunikasi*” menekankan kegiatan seseorang individu atau kelompok, serta sifat ingin mempengaruhi orang lain (Kelly, Lynne. *et al*, 1989).

Walaupun begitu, kesamaan bahasa yang digunakan dalam percakapan belum tentu menimbulkan kesamaan makna. Dengan kata lain, mengetahui bahasa sahaja belum tentu membolehkan seseorang itu memahami makna yang dibawa oleh bahasa yang diucapkan. Misalnya dalam konteks Malaysia dan Indonesia, walaupun sama sama menggunakan bahasa Melayu namun terdapat beberapa perkataan yang sama namun memberi makna yang berbeza. Justeru, bagi menjamin kesejahteraan komunikasi di Rantau Melayu ini setiap penutur wajar saling memahami. Komunikasi bukan hanya bersifat informatif, iaitu agar orang lain mengerti dan tahu. Malah, komunikasi juga bersifat persuasif, iaitu agar orang lain bersedia menerima sesuatu faham atau keyakinan, melakukan sesuatu perbuatan atau kegiatan dan lain-lain.

Objektif Komunikasi Islam

Komunikasi merupakan satu wahana penting untuk melestarikan bangsa. Justeru itu, manusia tidak boleh untuk tidak berkomunikasi. Malah ia dianggap mulia oleh Islam (Norhasidah Abu Bakar dan Nurul Himmah Kassan, 2007). Ia digunakan untuk tujuan berdakwah, sebab itulah konsep seperti *Balagh*, *da'wah*, *bashir*, *nadhir*, *tadbkirah* dan *maw'izah* merupakan beberapa istilah yang dirujuk kepada Nabi Muhammad s.a.w. dalam aktiviti dakwah Baginda (Mahmoud M. Galander, 2009). Ini menyerlahkan lagi bahawa Islam itu sebagai agama dakwah yang menyeru umatnya ke arah kebaikan. Justeru, mesej komunikasi boleh diklasifikasikan sebagai untuk menimbulkan kesedaran, memujuk dan mendidik. Firman Allah S.W.T.:

“Wahai orang yang berselimut! Bangunlah serta berilah peringatan dan amaran (kepada umat manusia).” Surah al-Muddaththir (74): 1-2

Tutur kata yang lembut dan sopan merupakan teras perpaduan. Ia berupaya menghindarkan salah faham sesama manusia. Ini

selaras dengan objektif komunikasi bagi mendamaikan dua orang yang berselisih faham (Al-Hamd, Muhammad bin Ibrahim, 2007). Komunikasi yang baik juga mampu menyampaikan ajaran dan amalan Islam secara betul. Ia adalah media untuk berdakwah dan memupuk *ukhwah Islamiyah* (Mohd. Yusof Hussain, 1990). Kesimpulannya, objektif komunikasi Islam amat luas. Ia boleh dirangkumkan sebagai untuk memberitahu tentang khabar gembira, khabar ancaman, mengajak yang makruf, mencegah yang mungkar, mengajar, memberi peringatan, menasihati, menegur, mengubah perlakuan buruk kepada perlakuan yang baik, mengubah iktikad kepada Islam serta mengubah cara berfikir.

Komunikasi Berakhlak Dalam Rantau Melayu

Kedatangan Islam di rantau Melayu merubah kehidupan umat Melayu menjadi lebih baik. Masyarakat dibentuk dengan sifat dan rasa tanggungjawab serta saling bantu-membantu antara satu sama lain, sifat atau akhlak yang mulia amat ditekankan oleh Islam (Ali Mohammad, 2008). Lantaran itu, tidak hairanlah Melayu amat sinonim dengan Islam, dan Islam turut sinonim dengan Melayu. Adat dan budaya Melayu disulam dengan akhlak Islam menjadikan komunikasi lisan dan bukan lisan masyarakat Melayu begitu santun sehingga wujud pepatah ‘*adat bersendikan syarak dan syarak bersendikan kitabullah*’ yang bermaksud adat Melayu semuanya menurut ajaran Islam atau merujuk lebih jauh dan dalam adalah wahyu Allah sebagai panduan manusia dalam mengisi kebudayaannya (Muhammad Takari, 2013).

Hasil integrasi akhlak dengan adat menyebabkan masyarakat Melayu sering berkias menggunakan simpulan bahasa, peribahasa, bidalan dan perumpamaan yang telah lama menjadi sebahagian cara berkomunikasi. Ungkapan yang digunakan disusun indah sungguhpun untuk menyampaikan maksud yang kurang menyenangkan pendengar. Hal ini kerana dengan menyatakan sesuatu yang tidak baik dengan berbahasa secara terus terang atau tidak berlapis adalah sikap kurang adab (Nur Afiqah Wan Mansor & Nor Hashimah Jalaluddin, 2016). Ianya bertepatan dengan firman Allah S.W.T.:

Tidakkah engkau melihat (wabi Muhammad) bagaimana Allah mengemukakan satu perbandingan, iaitu: kalimah yang baik adalah sebagai sebatang pohon yang baik, yang pangkalnya (akar tunjangnya) tetap teguh, dan cabang pucuknya menjulang ke langit. Dia mengeluarkan buahnya pada tiap-tiap masa dengan izin Tuhannya. Dan Allah mengemukakan perbandingan-perbandingan itu untuk manusia, supaya mereka beringat (mendapat pelajaran). Surah Ibrahim 14: 24-25

Menurut Mohd. Azhar Abd. Hamid et al., (2001) masyarakat Melayu prapenajahan memiliki nilai moral dan akhlak yang tinggi kerana beberapa faktor iaitu:

1. Islam menjadi asas kepada budaya dan falsafah hidup masyarakat Melayu.
2. Pemikiran dan asas hidup yang dinamik dan progresif khususnya dalam soal pendidikan moral. Anak-anak dididik, dibimbing dan dipantau sejak kecil agar menghormati orang tua, beradab, bertingkah laku, adab berkomunikasi dan sebagainya.
3. Adat, nilai dan norma setempat mengukuhkan lagi pendidikan moral masyarakat Melayu.
4. Budaya dan falsafah hidup masyarakat Melayu masih segar dan belum dipengaruhi oleh isme-isme modenisasi.

Lantaran itu, semakin bergerak kearah kemodenan, akhlak semakin dipinggirkan oleh generasi masa kini. Walaupun komunikasi moden merupakan komunikasi tanpa sempadan, namun nilai-nilai komunikasi tersebut semakin pudar akibat prinsip komunikasi tidak lagi terapan.

Cabaran Komunikasi Semasa

Dewasa ini komunikasi serantau semakin getir. Tidak hairankah jika ada pihak yang mengatakan bahawa komunikasi tradisional lebih menjamin kesantunan dan keselamatan. Bagi menjelaskna lagi keadaan ini misalnya, Ainal Akmal Ahmad et all (2016), berpandangan bahawa dengan kemunculan media baharu seperti *Facebook, Twitter, Instagram, MySpace* dan banyak lagi telah membolehkan manusia berkomunikasi antara satu sama lain tanpa mengira jarak dan waktu. Perkongsian melalui media sosial ini

bukan sahaja melibatkan komunikasi bertulis tetapi turut melibatkan penyampaian berita, pendapat, foto, pautan pada laman lain, pautan pada artikel, klip video dan lain-lain lagi. Namun disamping itu banyak juga masalah seperti klip video menjatuhkan maruah orang, foto yang sepatutnya disimpan secara peribadi tetapi tersebar luas tanpa dapat dipadam lagi.

Elemen-elemen seperti penulisan, percakapan, visual, data dan bunyi digabungkan menyebabkan komunikasi menjadi semakin menarik. Teknologi dalam komunikasi ini membantu penggunaannya berhubung, memelihara ikatan dan interaksi dalam kalangan mereka. Disebalik membantu menghubungkan dan mengeratkan masyarakat, teknologi juga telah menyebabkan manusia boleh melahirkan apa sahaja yang terbuku di hati tanpa memikirkan perasaan dan hati masyarakat lain. Keterbukaan semasa berinteraksi ada kalanya menyebabkan masyarakat mezhahirkan pandangan dan rasa tidak puas hati apabila sesuatu berita disiarkan di laman sosial. Masyarakat tidak memikirkan aspek kesantunan berbahasa ketika berkomunikasi walaupun yang dikomen itu merupakan pemimpin negara sendiri mahupun negara jiran.

Nilai-nilai murni ketika berbahasa sering dilupakan. Situasi ini amat membimbangkan kerana ditakuti generasi pada masa kini melupakan nilai-nilai murni dan kesantunan ketika berkomunikasi. Penggunaan gelaran, panggilan, label yang tidak santun secara tidak langsung menunjukkan gambaran keperibadian masyarakat kerana berita yang disiarkan secara *online* ini. Dengan bertambahnya pengguna dalam talian di seluruh dunia persoalan etika dan tanggungjawab terhadap maklumat maklumat yang mudah diperolehi melalui internet perlu ditangani (Normah Mustaffa dan Mus Chairil Samani (2012).

Prinsip Komunikasi Islam

Suhaini Muda (2018) menegaskan baha komunikasi penting dalam mengekalkan perkongsian yang berjaya. Justeru dalam hal ini, setiap pihak hendaklha berkomunikasi dengan sebaik mungkin. Tmbahan pula seseorang individu itu merupakan hasil gabungan kompleks fikiran, perasaan, idea, dan emosi (Astrid S.

Susanto, 1987). Beberapa prinsip komunikasi yang disarankan oleh Islam termasuklah seperti, memulakan percakapan dengan salam, bercakap dengan lemah lembut, menggunakan perkataan yang baik, menyebut yang baik-baik tentang diri rakan, berhikmah dan nasihat yang baik, bercakap benar, menyesuaikan bahasa dan isi percakapan dengan tingkat kecerdasan pendengar, berdialog dengan cara yang baik, menyebut perkara yang penting berulang kali, mengotakan apa yang dikata, mengambil kira pandangan dan fikiran orang lain serta berdoa kepada Allah. Inilah bentuk komunikasi Rasul (Aboebakar Atjeh, 1982). Komunikasi juga sewajarnya berdasarkan ilmu pengetahuan. Oleh itu, ia mesti dipelajari, sebagaimana manusia perlu mempelajari ilmu pengetahuan lain. Komunikator seharusnya berpegang dengan akhlak komunikasi. Sebagai contoh, jujur, tidak menuduh, memberi gambaran tepat, berkata benar, tidak mengganggu dan sentiasa bersikap positif. Firman Allah S.W.T.:

Ertinya: "Dan (ingatlah wahai Muhammad), ketika Kami mengikat perjanjian setia dengan Bani Israil (dengan berfirman): "Janganlah kamu menyembah melainkan Allah, dan berbuat baiklah kepada kedua ibu bapa, dan kaum kerabat, dan anak-anak yatim, serta orang-orang miskin; dan katakanlah kepada sesama manusia perkataan-perkataan yang baik; dan dirikanlah sembahyang serta berilah zakat". kemudian kamu berpaling membelakangkan (perjanjian setia kamu itu) kecuali sebahagian kecil dari kamu; dan sememangnya kamu orang-orang yang tidak menghiraukan perjanjian setianya." Surah al-Baqarah (2): 83; Lihat juga Surah al-Baqarah (2):263, Surah Ali-'Imran (3):159

Komunikasi secara berakhlak memperkukuhkan dan mengekalkan ketenteraman dan keharmonian sosial. Harus difahami bahawa cara penyampaian ucapan bahasa yang baik atau buruk bergantung kepada kesempurnaan atau kelemahan pada bahasa tersebut. Misalnya, Nabi Muhammad s.a.w. menggunakan pidato yang bijak untuk menimbulkan kesedaran di kalangan orang Arab terhadap kebenaran mesej yang menekankan kepada kewujudan Tuhan Yang Esa. Begitu juga perihal pentingnya hidup mematuhi hukum-Nya serta menjauhi maksiat.

Justeru, kepercayaan orang akan hilang jika komunikator melebih-lebihkan cerita, berbohong, meremeh-remehkan perkara penting dan tidak menunjukkan minat kepada apa yang diperkatakan. Seterusnya, perkataan dan ayat yang jelas, lebih berkesan berbanding penggunaan perkataan dan ayat yang samar-samar. Penggunaan bahasa yang baik dan teratur juga merupakan satu kemestian bagi memastikan mesej dakwah dapat diterima oleh komunikan (Abdullah Hassan, 2007).

PENUTUP

Kesimpulan

Justeru sebagai seorang individu yang baik dan mempunyai akhlak sempurna dalam berkomunikasi mempunyai asas kepada ukuran baik dan buruk wajar yang ditedani termasuklah menepati Syariat Islam, mendapat keredhaan Allah S.W.T., manusia yang serasi antara zahir dan batin dan akhirnya mendapat balasan syurga

Akhlak sempurna memantapkan hubungan sesama Muslim khasnya dan sesama manusia amnya, baik di peringkat sesama individu, organisasi mahupun antarabangsa. Ia juga mencerminkan keperibadian komunikator. Tambahan pula dalam ajaran Islam, setiap patah perkataan yang diucapkan dan setiap bentuk tindakan yang dilakukan pasti mendapat gajaran yang sewajarnya di akhirat kelak.

Akhlak terpuji lambang keimanan, ketinggian takwa dan kealiman seseorang manusia yang berakal. Wajar dihayati bahawa sesuatu ummah kekal kerana kukuh akhlaknya dan sebaliknya runtuh sesuatu ummah kerana lemah akhlaknya. Islam amat menitikberatkan amalan berakhlak ketika berkomunikasi seperti berlemah lembut, bertutur dengan beradab disamping bergaul mesra sesama manusia (AbdAllah Nasih Ulwan, 1994).

DAFTAR PUSTAKA

- Abdullah Hassan (2007), *Berdakwah dengan Efektif*. Selangor: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Aboebakar Atjeh (1982), *Akhlak Dalam Islam*. c.2. Kelantan: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd.
- Ainal Akmar Ahmad, Maizatul Azura Yahya, Nasihah Hashim, Noor Aida Mahmor (2016). *Kesantunan Bahasa Semasa Berkomunikasi Di Laman Sosial*. Proceeding of the International Conference on Government & Public Affair 2016 (ICOGPA2016)UUM, Sintok, Kedah
- Al- Mawardi (1988), *Kitab Adab al-Dunya wa al-Din*. Kaherah: al-Dar al-Masriyyah al-Lubnaniyyah.
- Al-Hamd, Muhammad bin Ibrahim (2007), *Menjadi Muslim Pandai Bergaul*. Jamaluddin (terj.). Jakarta: Darul Haq.
- Ali Mohammad (2008). Sumbangan Tamadun Islam dalam Kehidupan Masyarakat di Alam Melayu Hingga Abad Ke 17M. *Journal of Al-Tamaddun*, 3, 68-84.
- Al-Mawsuwi, Hashim (1997), *al-Tarbiyyah al-Akblaqiyyah wa al-Ijtima'iyyah*. Tehran: Rabitah al-Thaqafah wa al-'ilaqat al-Islamiyyah.
- Astrid S. Susanto (1987), *Komunikasi Teori dan Praktis*. Wan Sakinah Wan Ibrahim (terj.), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bergin, Francis J. (1982), *Practical Communication*. 2nd. Edition. London: Pitman Books Limited.
- Galander, Mahmoud M. (2009), "Islamization of Communication: A Critique", dalam Mohd Yusof Hussain (ed.), *Islamization of Human Sciences*. 2nd. ed. Kuala Lumpur: IIUM Press.
- Ghazali Darusalam (1997), *Dinamika Ilmu Akhlak Islamiyah*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- H. Yunahar Ilyas (2001), *Kuliah Akhlaq*. c.4. Yogyakarta: Lembaga Pengkajian dan Pengamatan Islam (LPPI).
- Haron Din (2003), *Manusia dan Islam*, j. 2., c. 5., Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hasan Mohd Ali (1996), *100 Akhlak Mulia*. e. 2. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Hawwa, Sa'id (1994), *Jund Allah Thaqafatan wa Akhlaqan*. Mesir: Dar al-Islam li al-Taba'ah wa al-Nashr wa al-Tawzi' wa al-Tarjamah.
- Haylulah, Hirsi Muhammad (2003), *Dirasat fi al-Tasannuf wa al-Akhlaq wa 'Ulm al-Kalam*. c. 2. UIAM, Gombak: Dar al-Tajdid li al-Taba'ah wa al-Nashr wa al-Tarjamah.
- Ibn Manzur (1968), *Lisan al-'Arab*, J. 10, Beirut: Dar al-Sadir.
- Ibn Miskawaih (1994), *Menuju Kesempurnaan Akhlak*. Helmi Hidayat (terj.) Bandung: Penerbit Mizan.
- Ibn Miskawayh (t.t), *Tabzib al-Akhlaq wa Tathir al-A'raq*. c. 2. Beirut: Manshurat Dar Maktabah al-Hayah, h. 51.
- Kelly, Lynne. *et al*, (1989), *Communication in The Workplace: A Guide to Business and Professional Speaking*. New York: Harper & Row, Publishers.
- Mohd. Azhar Abd. Hamid et al. (2001). Senario Pendidikan Moral Masyarakat Melayu Zaman Teknologi Komunikasi Maklumat (ICT): Trend, Hala Tuju dan Model Pendidikan Moral Keluarga Islam. *Jurnal Teknologi*, 35(1), 45-70.
- Mohd. Nasir Omar (2005), *Akhlak dan Kaunseling Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Mohd. Yusof Hussain (1990), *Dua Puluh Lima Soal Jawab Mengenai Komunikasi Islam*. Serdang, Selangor: Jabatan Komunikasi Pembangunan, Pusat

S.Salahudin Suyurno: Komunikasi Berakhlak ...

- Pengembangan dan Pendidikan Lanjutan UPM.
- Muhammad Takari (2013) Tradisi Lisan di Alam Melayu: Arah dan Pewarisannya. *Pascasarjana Linguistik Fakultas Ilmu Budaya*. Universitas Sumatera Utara.
- Norhasidah Abu Bakar dan Nurul Himmah Kassan (2007), "Komunikasi Islam dan Transformasi Budaya" dalam S.Salahudin Suyurno *et al.* (eds.), *Islam dan Komunikasi*. Shah Alam: UPENA.
- Normah Mustaffa dan Mus Chairil Samani (2012) "Kewartawanan di Malaysia dalam Era Globalisasi" dalam Juliana Abdul Wahab (ed), *Media, Komunikasi dan Wacana Globalisasi di Malaysia*. Pulau Pinang: Penerbit USM
- Nur Afiqah Wan Mansor & Nor Hashimah Jalaluddin (2016). Makna implisit bahasa kiasan Melayu: Mempertalikan komunikasi, kognisi dan semantik. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 32(1).
- Onong Uchjana Effendy (2008), *Dinamika Komunikasi*. c. 7. Bandung: PT Remaja Rosdakarya.
- Osman Hj. Khalid (penyusun) (2006), *Kamus Besar Arab-Melayu Dewan*. c.1. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa.
- Roth, John K. (ed.) (1995), *International Encyclopedia of Ethics*, London: Salem Press Inc.
- Samsuddin A. Rahim (1993), *Komunikasi Asas*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Suhaini Muda (2018) "Komunikasi dan Pemupukan dalam perkongsian kolaborasi Mapan" dalam Hassan Abu Bakar et al (eds.) *Komunikasi Dalam Konteks Pembangunan Sosiobudaya*. Sntok: Penerbit UUM
- 'Ulwan, 'AbdAllah Nasih (1994), *Tarbiyyah al-Awlad fi al-Islam*. j. 1., c. 25. al-Azhar: Dar al-Salam li al-Taba'ah wa al-Nashr wa al-Tawzi' wa al-Tarjamah.
- Za'ba (2005), *Perangai Bergantung Kepada Diri Sendiri*, c.3., Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zakaria Stapa (2001), *Akidah & Akhlak Dalam Kehidupan Muslim*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.